



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.BK(S)256/6/36Jld.10(19)

15 April 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PEMATUHAN TERHADAP PERINTAH DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 [AKTA 342]

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan sedang mempertingkatkan usaha untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Sehubungan dengan itu, pematuhan terhadap apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa di bawah **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]** hendaklah diberikan perhatian yang serius.

3. Dalam hal ini, **Ketua Jabatan/ penyelia tidak boleh mengarahkan pegawai yang menerima apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa di bawah Akta 342 untuk hadir bekerja kerana dikhawatiri boleh membahayakan tahap kesihatan/ menularkan wabak COVID-19 kepada orang lain.**




4. Ketidakpatuhan terhadap apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa di bawah Akta 342 adalah merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman di bawah Akta yang sama. Tindakan tegas termasuk tatatertib terhadap mana-mana pegawai termasuk Ketua Jabatan/ penyelia yang mengarahkan pegawai yang telah diberikan apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa menurut Akta 342 untuk hadir bekerja boleh diambil di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].
5. Sehubungan dengan itu juga, saya ingin mengulangi peringatan mengenai tujuan kebenaran Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi memastikan penjarakan sosial dapat dipatuhi sepenuhnya. Ini ekoran masih ramai pegawai hadir ke pejabat walaupun kebenaran BDR telah diberikan. Ketua Jabatan hendaklah meminimakan bilangan kehadiran pegawai di pejabat dan menggunakan sepenuhnya teknologi untuk bermesyuarat/ berkomunikasi bagi membincangkan sesuatu perkara. Kehadiran pegawai di pejabat hanyalah dibenarkan sekiranya terdapat keperluan yang kritikal dan perlu dilaksanakan secara penggiliran bekerja.
6. Segala kerjasama daripada YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam memastikan arahan ini dipatuhi sepenuhnya adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)